

SIDANG AKADEMIK 2020/2021

SEMESTER 1

LKM 400 BAHASA MALAYSIA IV

KARANGAN (30%)

KUMPULAN 2

TAJUK:

Perpaduan kaum di Malaysia dapat diibaratkan seperti 'retak menanti belah'.
Bincangkan.

DISEDIAKAN OLEH:

| BIL | GAMBAR | NAMA | NOMBOR Matrik |
|-----|---|--------------------------------------|------------------|
| 1. | | KEVIN FUNG KING KIAT | 152426 |
| 2. |  | MUHAMMAD NAJMI BIN ZAINUDIN | 151313 |
| 3. |  | NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID | 141084 |

Perpaduan bermaksud satu proses yang menyatupadukan masyarakat dan negara melalui ideologi negara supaya setiap lapisan masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai serta mewujudkan perasaan cinta akan negara. Perpaduan antara kaum merupakan aspek yang penting dalam membentuk perpaduan negara. Ada yang menyatakan perpaduan kaum di Malaysia dapat diibaratkan seperti 'retak menanti belah' kerana hubungan antara kaum semakin tegang, kewujudan sikap rasisme antara kaum dan penyalahgunaan media sosial namun terdapat juga yang menyatakan perpaduan kaum di Malaysia masih berada dalam keadaan yang baik dan kukuh kerana wujudnya nilai kesaksamaan dalam kalangan masyarakat serta sikap keterbukaan rakyat Malaysia yang dapat menerima perbezaan dan kepelbagaian budaya yang wujud. Perpaduan kaum perlu dijaga demi kesejahteraan dan keharmonian negara pada masa akan datang.

Faktor pertama perpaduan kaum di Malaysia semakin renggang ialah hubungan antara kaum semakin tegang. Walaupun negara Malaysia sudah mencapai kemerdekaan selama 63 tahun, tetapi hubungan rakyat antara kaum hanya kelihatan rapat sahaja. Kebanyakan rakyat Malaysia hanya suka bergaul dengan kaum sendiri sahaja. Mereka tidak ingin mengambil masa untuk mengetahui budaya dan agama kaum lain. Tanggapan dan juga persepsi negatif terhadap kaum lain hanya akan menyebabkan pertelingkahan dan perselisihan faham berlaku walaupun kerana perkara yang kecil. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu pengajaran dan iktibar yang harus kita ingat selalu kerana semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan perpaduan kaum dijamin agar keamanan negara dapat dicapai. Tambahan pula, sikap tersebut telah menyebabkan kekurangan pergaulan antara kaum yang berbeza dan seterusnya mengakibatkan perselisihan faham berlaku. Menurut Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, pergaulan antara kaum hanya terhad kepada kegiatan rasmi sahaja. Sebagai contoh, kita akan menyambut Hari Kemerdekaan bersama-sama untuk memberi satu imej kepada pelancong asing bahawa rakyat

pelbagai kaum di Malaysia bersatu-padu. Justeru, hubungan rakyat pelbagai kaum di Malaysia adalah tegang.

Selain itu, kewujudan rasisme antara kaum adalah salah satu faktor perpaduan kaum semakin renggang. Sikap perkauman masih wujud dalam masyarakat Malaysia kerana sesetengah kaum memandang rendah terhadap kaum lain. Kita selalu membaca dari surat khabar bahawa terdapat banyak kes buli berlaku yang melibatkan pelajar berbeza kaum di sekolah. Mangsa buli dipukul dan terpaksa menyerahkan wang kepada pembuli hanya atas sebab mangsa tersebut berbeza kaum dengan mereka. Bukan begitu sahaja layanan yang tidak adil juga wujud dalam masyarakat bekerja. Sebagai contoh, sesetengah syarikat hanya berniat untuk mengambil pekerja kaum tertentu sahaja walaupun terdapat pekerja kaum lain yang lebih layak dan berprestasi cemerlang. Pekerja kaum lain mungkin juga mendapat layanan yang buruk daripada pekerja kaum tertentu seperti diberikan kerja yang banyak, dipaksa untuk bekerja lebih masa dan sebagainya. Terdapat juga sesetengah pihak sengaja membangkitkan isu sensitif kaum dengan tujuan memecahbelahkan rakyat Malaysia. Mereka sering menggunakan perkataan yang sensitif untuk membangkitkan perasaan kebencian kaum tertentu terhadap kaum lain dan seterusnya menyebabkan hubungan kaum menjadi lebih rapuh. Justeru, rasisme yang masih wujud di kalangan masyarakat menyebabkan perpaduan kaum di Malaysia masih rapuh.

Seterusnya, faktor yang menyebabkan perpaduan kaum diibaratkan seperti 'retak menanti belah' ialah penyalahgunaan media sosial yang mula tular sejak akhir-akhir ini. Media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube dan sebagainya akan menyebabkan timbulnya perselisihan faham antara kaum kerana banyak menimbulkan isu sensitif. Media sosial yang ada telah menimbulkan begitu banyak isu yang bersifat sensitif di samping menabur fitnah serta berita palsu yang menyebabkan wujudnya kerisauan dalam masyarakat di negara ini. Beberapa kenyataan bersifat rasis dan berunsur perkauman begitu berleluasa pada masa

sekarang. Hal ini akan menyebabkan perpaduan kaum di negara ini akan menjadi semakin renggang dan berpecah belah. Penyebaran berita palsu juga menjadi punca perbalahan dan persengketaan terhadap masyarakat di negara ini. Sebagai contoh, isu kalimah Allah dalam bible yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu menyebabkan berlaku pertentangan pendapat dalam kalangan rakyat di negara ini. Oleh itu, ianya bakal menyebabkan wujudnya rasa benci dan dendam dalam masyarakat yang mampu menggugat keamanan negara.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa faktor yang menyumbang kepada perpaduan kaum dalam kalangan rakyat bertambah baik dan berada dalam keadaan aman. Antaranya ialah faktor nilai kesaksamaan dalam kalangan masyarakat. Kesaksamaan adalah nilai penting dalam sesebuah masyarakat. Kita harus mewujudkan sebuah masyarakat yang saksama dan adil. Pendamaian dan keharmonian hanya dapat diwujudkan dengan keadilan. Masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama ini sudah memahami dengan konsep kesaksamaan dan keadilan dalam hidup bermasyarakat. Setiap agama juga mengajar penganutnya untuk sentiasa adil dan saksama antara satu sama lain. Dalam agama Islam misalnya, Allah s.w.t menyuruh hamba-hambanya untuk menegakkan keadilan dan keihsanan. Anak-anak muda kita juga telah dididik dari kecil untuk membantu golongan yang lemah tidak kira kaum dan agama serta merapatkan jurang sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Dengan kesaksamaan ini, masyarakat akan mampu untuk hidup lebih harmoni dan penuh rasa ihsan dan kasih sayang.

Di samping itu, faktor kedua yang menyumbang kepada perpaduan kaum di Malaysia ialah sikap keterbukaan rakyat. Rakyat Malaysia sememangnya dari dahulu lagi sentiasa bersifat terbuka untuk menerima perbezaan dalam kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia. Sikap keterbukaan ini telah membuka peluang untuk masyarakat lebih mengenali antara satu sama lain sekali gus mengeratkan lagi hubungan antara pelbagai kaum. Sebagai contoh, pada setiap perayaan, tradisi mengadakan rumah terbuka telah menjadi keistimewaan

di Malaysia. Masyarakat dari kaum lain akan mengunjungi rumah terbuka kaum lain dan ini menggambarkan semangat perpaduan sudah dipupuk kukuh dalam kalangan masyarakat. Melalui tradisi ini, pelbagai kaum kunjung-mengunjungi bagi bersama-sama memeriahkan perayaan dan berkongsi kegembiraan. Apabila menghadirkan diri ke rumah terbuka kaum lain, kita dapat memahami budaya mereka dengan lebih dekat. Perkara ini semua akan membawa kita sedar bahawa kita mempunyai lebih banyak kesamaan daripada yang dijangkakan. Sekali gus ia menyebabkan masyarakat beralih dari hanya menyedari perbezaan yang wujud antara kita kepada menerima dan belajar untuk hidup dengan perbezaan tersebut.

Kesimpulannya, perpaduan kaum di Malaysia diibaratkan seperti 'retak menanti belah' kerana hubungan antara kaum semakin renggang, kewujudan rasisme antara kaum dan penyalahgunaan media sosial tetapi perpaduan kaum masih lagi boleh dipertahankan kerana adanya nilai kesaksamaan dalam kalangan rakyat dan wujudnya sikap keterbukaan yang mampu menerima perbezaan setiap kaum dan budaya yang ada. Jika perpaduan kaum ini tidak dijaga oleh rakyat maka ia akan mengakibatkan pelbagai masalah akan berlaku seperti perebutan kuasa politik antara kaum, gangguan dari pihak luar dan sebagainya. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing untuk memperkukuhkan lagi perpaduan kaum yang ada di Malaysia ini.